

TERMA DAN SYARAT

Penganjur & Kelayakan

1. Peraduan "**MyDebit Je dan MENANG**" ("**Peraduan**") ini dianjurkan bersama oleh MYDIN MOHAMED HOLDINGS BERHAD (MYDIN) (No. Syarikat.: 199101011136 (221448-A)) dan Payments Network Malaysia Sdn Bhd (200801035403 (836743-D)) (dirujuk secara kolektif sebagai "**Pihak Penganjur**").
2. Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan penduduk tetap yang memegang Kad Mesin Automatik ("**ATM**") MyDebit yang dikeluarkan oleh institusi kewangan di Malaysia dan mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah layak untuk mengambil bahagian dalam Peraduan ini ("**Peserta**").
3. Peserta juga mestilah berumur 18 tahun dan ke atas dan mempunyai akaun yang sah dengan mana-mana institusi kewangan di Malaysia, tidak dormant dan dalam kedudukan kewangan yang baik, semasa Tempoh Peraduan sehingga penebusan hadiah.
4. Individu-individu yang tersenarai di bawah adalah tidak layak menyertai Peraduan ini:
 - Kakitangan Pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu, anak syarikat atau yang berkaitan dengannya] serta ahli keluarga mereka yang terdekat [anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri]; dan/atau
 - Wakil, kakitangan, pekerja dan/atau ejen pembekal khidmat pengiklanan dan/atau ejen promosi bagi Pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya], dan ahli keluarga mereka yang terdekat [anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri].

Tempoh Peraduan & Kriteria Penyertaan

5. Peraduan ini akan berlangsung dari **12:00 pagi 1 September 2022 sehingga 30 November 2022 jam 11:59 malam** (Waktu Malaysia) ("**Tempoh Peraduan**").
6. Sebarang penyertaan yang diterima selepas Tempoh Peraduan akan ditolak dan tidak sah.
7. Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan Bulanan adalah tidak sah dan akan dibatalkan. Sebagai contoh: slip transaksi bertarikh 1 September 2022 (Bulan 1 di dalam Tempoh Peraduan Bulanan) mestilah di hantar pada atau sebelum 30 September 2022. Slip transaksi tersebut tidak akan layak untuk penyertaan Tempoh Peraduan Bulanan yang seterusnya ("**Tempoh Peraduan Bulanan**").
8. **Jadual Peraduan Hadiah Bulanan (3 Bulan) ("**Tempoh Peraduan Bulanan**"):**
 - **Bulan 1: 1 Sept – 30 Sept 2022 (216 Pemenang);**
 - **Bulan 2: 1 Okt – 31 Okt 2022 (216 Pemenang);**
 - **Bulan 3: 1 Nov – 30 Nov 2022 (218 Pemenang)**

Jadual Peraduan Hadiah Utama ("Tempoh Peraduan Hadiah Utama**"):**

- **Tempoh Peraduan: 1 Sept – 30 Nov 2022**

9. Pihak Penganjur berhak untuk mengubah, melanjutkan atau menamatkan Peraduan termasuk Tempoh Peraduan Bulanan atau Tempoh Peraduan (keseluruhan) mengikut budi bicara mutlaknya dengan memberi notis terlebih dahulu.
10. Pembelian minimum bernilai RM100 dan ke atas (di dalam satu resit/transaksi) di semua cawangan MYDIN dengan menggunakan kad ATM MyDebit sebagai kaedah pembayaran, dalam Tempoh Peraduan Bulanan yang ditetapkan (dengan resit / slip transaksi yang dicetak dengan jelas) akan layak untuk menyertai dan diambil kira sebagai penyertaan yang sah di dalam Peraduan ini ("**Bukti Pembelian**").
11. Semua pembayaran mestilah menggunakan kad ATM MyDebit untuk dikira sebagai penyertaan yang layak dan menyerahkan Bukti Pembelian mengikut mana-mana kaedah penyertaan seperti dinyatakan di Klausula 12 dan dibuat dalam Tempoh Peraduan Bulanan seperti dinyatakan di atas.

Cara Penyertaan

12. Setiap penyertaan perlu disertakan dengan satu Bukti Pembelian yang dibuat dalam Tempoh Peraduan Bulanan di mana-mana cawangan MYDIN melalui aplikasi **WhatsApp** ATAU melalui aplikasi **Whoop! App** (di muat turun melalui Play Store untuk Android / App Store untuk iOS).

a) **Cara Penyertaan (1): Melalui aplikasi WhatsApp**

- i. **Setiap penyertaan yang lengkap dan layak hendaklah** mengandungi maklumat yang berikut:

1. Ambil gambar Bukti Pembelian;
2. Jawab soalan Peraduan dan berikan maklumat yang diperlukan;
3. SIMPAN: **Bukti Pembelian (asal)**;

- Hantar penyertaan anda melalui aplikasi WhatsApp ke nombor **011 5174 0268**
- Peserta akan mendapat balasan mesej (soalan Peraduan, notis privasi).
- Dengan menghantar penyertaan melalui WhatsApp, Peserta adalah dianggap telah membaca dan bersetuju pada notis privasi yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat di sini.
- Perhatian: Setiap pembelian bernilai RM100 dan ke atas yang sah (di dalam satu slip transaksi) akan diberikan **SATU (1)** nombor siri secara rawak bagi satu penyertaan (satu slip transaksi untuk satu pernyataan tidak kira berapa jumlah yang dibelanjakan). (Nota: nombor bersiri hanya untuk rujukan Pihak Penganjur sahaja dan ianya tidak akan didedahkan kepada Peserta).

b) **Cara Penyertaan (2): Melalui aplikasi Whoop! App (di muat turun melalui Play Store untuk Android / App Store untuk iOS)**

- i. Daftar di Whoop app (pendaftaran untuk kali pertama sahaja)
- ii. Klik pada sepanduk Peraduan MYDIN "**MyDebit Je dan MENANG**"
- iii. Setiap penyertaan yang lengkap dan layak hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:

1. Ambil gambar Bukti Pembelian;
 2. Jawab soalan Peraduan dan berikan maklumat yang diperlukan;
 3. SIMPAN: **Bukti Pembelian (asal)**;
 - Peserta akan mendapat balasan mesej (soalan Peraduan, notis privasi).
 - Dengan menghantar penyertaan melalui Whoop! app, Peserta adalah dianggap telah membaca dan bersetuju pada notis privasi yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat di sini.
 - Perhatian: Setiap pembelian bernilai RM100 dan ke atas yang sah (di dalam satu slip transaksi) akan diberikan SATU (1) nombor siri secara rawak bagi satu penyertaan (satu slip transaksi untuk satu pernyataan tidak kira berapa jumlah yang dibelanjakan). (Nota: nombor bersiri hanya untuk rujukan Pihak Penganjur sahaja dan ianya tidak akan didedahkan kepada Peserta).
13. Peserta boleh menghantar lebih daripada SATU (1) penyertaan. Setiap SATU (1) slip transaksi (dengan pembayaran RM100 dan ke atas menggunakan transaksi kad ATM MyDebit) layak untuk SATU (1) penyertaan sahaja dan hanya boleh digunakan sekali sahaja. Penyertaan Peraduan akan dibatalkan jika slip transaksi yang sama digunakan lebih dari SATU (1) kali.

Pemilihan Pemenang

14. Pemenang akan dipilih berdasarkan perkara berikut.
- a) Pemilihan pemenang Peraduan hadiah Bulanan: Pada akhir setiap Tempoh Peraduan hadiah Bulanan, Peserta yang layak akan disenarai pendek secara rawak mengikut Tempoh Peraduan Bulanan (sebagai contoh hanya penyertaan Bulan 1 layak dicabut dan memenangi pada Bulan 1 tersebut) oleh sistem pemilihan automatik berdasarkan jumlah penyertaan sah yang diperolehi dalam bulan tersebut di sepanjang Tempoh Peraduan ("**Peserta Terpilih**").
 - b) Pemilihan pemenang Peraduan hadiah Utama: sila rujuk Klausula 22-24.
15. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, hanya penyertaan yang dihantar mengikut Tempoh Peraduan Bulanan berkaitan layak berpeluang memenangi satu (1) hadiah untuk tempoh tersebut.
16. Setiap Peserta (jika dipilih sebagai pemenang) hanya layak untuk memenangi SATU (1) hadiah Bulanan dan/atau SATU (1) hadiah Utama sahaja sepanjang Tempoh Peraduan.
17. Semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur berhubung Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada, senarai pendek, pemilihan pemenang, hadiah dan pelucutan hak hadiah adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayan. Pemilihan pemenang adalah tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan dan kriteria penyertaan yang ditentukan mengikut budi bicara mutlak Penganjur.

Hadiah & Penebusan

18. Hadiah untuk Peraduan ini ialah:

Types	Prizes	Total Winners
Hadiah Utama	<i>Supermarket Sweep</i> bernilai RM1,000	65
Hadiah Bulanan	Baucar MYDIN bernilai RM300	650
Hadiah Istimewa	Baucar MYDIN bernilai RM2,000	20

19. Sejumlah **TUJUH RATUS TIGA PULUH LIMA (735)** hadiah untuk dimenangi.
20. Segala gambar hadiah yang ditunjukkan dalam apa-apa iklan, promosi publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Peraduan ini adalah semata-mata untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin berbeza dengan hadiah sebenar yang diterima.
21. Untuk pemenang hadiah Bulanan: Sekiranya Peserta Terpilih tidak dapat dihubungi selepas **TIGA kali percubaan setiap hari selama tiga hari berturut-turut** ((pada hari dan waktu bekerja, Isnin – Jumaat) selepas setiap Tamat Tempoh Peraduan Bulanan, Pihak Penganjur mempunyai hak untuk menghubungi Peserta Terpilih dari cabutan rawak yang seterusnya dan mengisytiharkan Peserta Terpilih tersebut sebagai pemenang mengikut proses yang dinyatakan di atas.
22. Pemilihan hadiah Utama: Semua penyertaan yang sah akan layak secara automatik memenangi hadiah Utama di mana pemilihan pemenang akan mengikuti proses sama seperti hadiah bulanan.
23. Pemenang hadiah Utama perlu menghadiri acara *Supermarket Sweep* di Lembah Klang. Mekanik & terma dan syarat bagi acara ini hanya dikongsi dan didedahkan kepada Finalis pada hari acara tersebut.
24. Hadiah Istimewa: Peserta yang hadir ke acara *Supermarket Sweep* juga akan berpeluang memenangi hadiah istimewa dan mekanik & terma dan syarat bagi acara ini hanya dikongsi dan didedahkan pada hari acara tersebut.
25. Peserta dikehendaki mengemukakan bukti pengenalan diri (kad pengenalan Malaysia atau passport) semasa atau sebelum penebusan hadiah untuk tujuan pengesahan penyertaan Peserta/pemenang. Bukti Pembelian yang tidak boleh dibaca/telah pudar/rosak adalah tidak sah, tidak layak dan akan dibatalkan untuk Peraduan ini.
26. Hanya SATU (1) pemenang akan memenangi hadiah Utama tersebut.
27. Hadiah adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pembekal hadiah pihak ketiga (jika berkaitan). Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Pihak Penganjur dan ejennya tidak bertanggungjawab terhadap semua liabiliti, kerugian and kerosakan yang timbul daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan kepada butir-butir hadiah atau apa-apa keadaan yang tidak diduga di luar kawalan yang munasabah oleh Pihak Penganjur dan untuk apa-apa perbuatan atau keingkaran oleh mana-mana vendor atau pembekal pihak ketiga.

28. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang berlaku kepada hadiah semasa proses penebusan. Hadiah yang hilang atau rosak semasa proses penghantaran, tidak akan diganti dan Pihak Penganjur berhak menolak sebarang kewajipan untuk tidak mengganti atau memenuhi hadiah ini.
29. Apa-apa kos tambahan lain (sebagai contoh perbelanjaan perjalanan) yang terlibat untuk menebus atau mengambil hadiah akan ditanggung sepenuhnya oleh pemenang.
30. Hadiah Utama yang dimenangi mestilah didaftarkan atas nama pemenang dan tidak boleh dipindah milik.
31. Pihak Penganjur berhak untuk menangguhkan tarikh dan menukar tempat bagi menuntut hadiah yang telah ditentukan sebelum penebusan hadiah pada tarikh yang lain sekiranya berlaku apa-apa keadaan yang di luar jangkaan.
32. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung terhadap segala kos pengangkutan yang berkaitan dengan penebusan dan/atau penyerahan hadiah. Apa-apa kos tambahan, duti, cukai dan/atau perbelanjaan sampingan atau caj yang dikenakan berkaitan dengan hadiah adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemenang.
33. Penyerahan hadiah kepada pemenang yang dipilih bergantung kepada ketersediaan hadiah yang akan dimaklumkan kepada pemenang yang dipilih oleh Pihak Penganjur dari semasa ke semasa.
34. Semua keputusan yang dibuat oleh Pihak Penganjur berhubung dengan Peraduan termasuk tetapi tidak terhad kepada senarai pemenang dan hadiah adalah muktamad, dan mengikat. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau bantahan dari Peserta tidak akan dilayan.
35. Pihak Penganjur akan menghubungi Peserta Terpilih melalui maklumat yang dibekalkan semasa proses penghantaran penyertaan.
36. Semua pemenang mesti menuntut hadiah mereka mengikut tempoh yang ditetapkan oleh Pihak Penganjur selepas dihubungi oleh Pihak Penganjur (melalui SMS atau lain-lain bentuk komunikasi). Sekiranya pemenang gagal untuk menuntut hadiah mereka atau menamakan seorang wakil dalam masa yang diperuntukkan, Pihak Penganjur berhak untuk membatalkan hadiah atau memberikan hadiah tersebut kepada pemenang lain. Pemenang perlulah mengemukakan bukti identiti untuk menebus/menerima hadiah mereka. Semua hadiah untuk Peraduan ini akan diberikan selepas tamat Tempoh Peraduan.
37. Sekiranya pemenang memerlukan seorang wakil untuk menuntut hadiah bagi pihak mereka, wakil pemenang hendaklah membawa surat wakil kebenaran yang ditandatangani oleh pemenang bersertakan salinan dokumen pengenalan diri pemenang dan wakilnya.
38. Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai. Pihak Penganjur mempunyai hak untuk menukar hadiah dengan hadiah yang sama nilai atas budi bicara tunggal dan mutlaknyanya. Pihak Penganjur, agensi, sekutunya, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap hadiah yang rosak atau penyalahgunaan mana-mana hadiah, atau tuntutan, liabiliti, kerugian atau kerosakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan Peraduan ini.

Hak Pihak Penganjur

39. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju memberikan kebenaran kepada Pihak Penganjur untuk menggunakan, menyiarkan atau memaparkan nama-nama dan gambar-gambar pemenang (jika ada) bagi tujuan pengiklanan, pemasaran, publisiti dan apa jua tujuan lain di dalam apa jua saluran penerbitan, pengedaran atau paparan, tanpa sebarang notis terlebih dahulu atau bayaran royalti atau pampasan kepada pemenang. Pemenang tidak mempunyai hak untuk membuat tuntutan hak milik atau lain-lain pampasan terhadap material tersebut.
40. Pihak Penganjur berhak untuk menggantikan hadiah dengan hadiah lain yang sama nilainya tanpa sebarang notis terlebih dahulu.
41. Jika atas apa-apa sebab Peraduan ini tidak mampu berlangsung seperti yang dirancang atas sebab (dan tidak terhad) seperti penyebaran virus komputer, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, atau apa-apa sebab di luar kawalan, Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknyanya, untuk membatalkan, menamatkan, mengubah suai, atau menggantung Peraduan ini.
42. Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknyanya, untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta dan/atau penyertaan yang didapati atau disyaki menipu/menggodam/menyalahgunakan/memanipulasikan proses penghantaran Peraduan, operasi Peraduan atau melanggar mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini.
43. Pihak Penganjur berhak untuk mengubah mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini pada bila-bila masa atas budi bicara mutlaknyanya tanpa memberikan notis terlebih dahulu.
44. Sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini, arahan dan kaedah Peraduan seperti yang dijelaskan di laman sesawang www.mydin.my atau sebaliknya, juga akan mengikat semua Peserta dan penyertaan mereka dalam Peraduan ini.
45. Jika berlaku apa-apa percanggahan di antara Terma dan Syarat ini dan apa-apa terma yang terkandung dalam sebarang bahan promosi untuk peraduan ini, Terma dan Syarat yang terkandung di www.mydin.my akan diguna pakai dan diutamakan. Jika terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Melayu, Terma dan Syarat dalam versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
46. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberi kebenaran kepada Pihak Penganjur atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik oleh Pihak Penganjur untuk memproses data peribadi Peserta yang diberikan untuk tujuan Peraduan.
47. Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua kos pengangkutan, caj internet, kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau apa-apa jenis perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta yang berkaitan dengan Peraduan ini (sama ada untuk tujuan menyertai, menghantar penyertaan atau penerimaan hadiah) adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemenang/Peserta. Pihak Penganjur, sekutunya, ejen-ejen dilantik atau wakilnya tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kos/caj/yuran/perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta berkaitan dengan Peraduan ini.
48. Pihak Penganjur, sekutunya dan/atau pihak ketiga yang dilantik tidak bertanggungjawab atas penyertaan yang hilang, rosak, lewat disebabkan atau sebarang kesilapan teknikal.

Liabiliti dan Tanggungjawab

49. Peserta dan pemenang akan menanggung sepenuhnya dan bertanggungjawab sekiranya berlaku liabiliti, kejadian tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang disebabkan penyertaan mereka di dalam Peraduan ini dan/atau penebusan dan/atau penggunaan hadiah dan bersetuju untuk melepaskan Pihak Penganjur dan agensinya daripada sebarang tuntutan sama ada bagi sebarang kecederaan, kemalangan, kehilangan nyawa mahupun kehilangan ekonomi dan lain-lain.
50. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, tidak di dalam apa-apa keadaan Pihak Penganjur atau pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejen (termasuk, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang berurusan dengan Pihak Penganjur untuk tujuan Peraduan ini) bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik atau ganti rugi tidak langsung, sampungan, berbangkit, teladan, punitif atau khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuiaan atau sebaliknya, berkaitan dengan Peraduan ini, walaupun Pihak Penganjur telah dinasihatkan tentang kemungkinan kerosakan tersebut terlebih dahulu, dan semua ganti rugi yang tersebut adalah dinafikan.
51. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju untuk mematuhi keputusan yang dibuat oleh Pihak Penganjur dan bersetuju dengan Terma dan Syarat Peraduan dan semua keputusan yang dibuat oleh Pihak Penganjur.
52. Pihak Penganjur ingin memberi peringatan kepada Peserta untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya semasa menerima sebarang panggilan telefon atau mesej yang meminta maklumat peribadi anda semasa dan atau selepas Peraduan. Pihak Penganjur juga ingin menasihatkan Peserta kami untuk menghubungi Pihak Penganjur untuk pengesahan mengenai Peraduan ini.

Notis Privasi

53. Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada bank mereka untuk mendedahkan dan memberi kebenaran kepada Pihak Penganjur untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan, memproses nama mereka, nombor kad pengenalan (KP) yang telah ditutupkan dan butir-butir peribadi lain ("**Data Peribadi**") untuk tujuan menjalankan Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengumuman dan penerbitan Data Peribadi dan/atau foto Peserta di laman sesawang Pihak Penganjur untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.
54. Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Peserta juga memberikan persetujuan dan kebenaran kepada Pihak Penganjur untuk berkongsi atau mengumpul Data Peribadi mereka termasuk dengan pihak ketiga (jika diperlukan) tidak terhad kepada agen Pihak Penganjur atau

mana-mana bank peserta MyDebit di Malaysia. Semua pihak ketiga tersebut dikehendaki secara kontrak, tidak menggunakan Data Peribadi Peserta selain daripada cara yang dinyatakan di sini.

55. Di bawah undang-undang Malaysia, hak Peserta termasuk:
- a) Hak untuk menarik balik kebenaran untuk penggunaan Data Peribadi pada bila-bila masa dengan menghubungi Pihak Penganjur di alamat kontak yang dinyatakan di bawah yang disediakan Pihak Penganjur dengan memberikan nama dan alamat e-mel Peserta untuk penghapusan Data Peribadi tersebut;
 - b) Hak untuk mendapatkan salinan Data Peribadi yang dimiliki oleh Pihak Penganjur; dan
 - c) Hak untuk membetulkan Data Peribadi yang tidak tepat.
56. Sebarang isu perlindungan data bersama Pihak Penganjur, aktiviti berkenaan hak undang-undang bagi Peserta, sila rujuk laman sesawang Pihak Penganjur di www.mydin.my atau menghubungi talian pelanggan Pihak Penganjur di +603 7886 5886 dari Isnin – Jumaat, 9pg – 5ptg.
57. Pihak Penganjur akan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk menyimpan Data Peribadi Peserta dengan selamat, dan memerlukan pemprosesan data daripada pihak ketiga untuk melakukan perkara yang sama. Bagaimanapun, Pihak Penganjur boleh mendedahkan Data Peribadi Peserta jika dikehendaki oleh undang-undang, waran geledah, sepina atau perintah mahkamah.
58. Apa-apa perkara berkaitan Data Peribadi yang berhubung kait dengan Peraduan ini akan ditadbir dan diuruskan mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan apa-apa undang-undang yang berkaitan di Malaysia.

[TAMAT]